

Menulis ayat majmuk dengan menggunakan kata hubung “dan”

1. Saya melawat nenek di hospital.

Kakak melawat nenek di hospital.

Jawapan: Saya dan kakak melawat nenek di hospital.

2. Aliya membeli baju kurung di pasar raya.

Mira membeli baju kurung di pasar raya.

Jawapan:

3. Jason menjual kasut sukan.

Jason menjual jam tangan.

Jawapan:

4. Ibu melipat baju di dalam bakul.

Adik melipat baju di dalam bakul.

Jawapan:

5. Ayah membeli dua kilogram rambutan.

Ayah membeli dua kilogram buah durian.

Jawapan:

6. Maria bermain congkak di luar rumah.

Johny bermain congkak di luar rumah.

Jawapan:

Menulis ayat majmuk dengan menggunakan kata hubung “kerana”

1. Saya berasa mengantuk.

Saya tidur lambat malam tadi.

Jawapan: Saya berasa mengantuk kerana saya tidur lambat malam tadi.

2. Amira tidak ke sekolah.

Amira demam sejak dua hari lalu.

Jawapan:

3. Maria tiada duit untuk makan.

Dia membelanjakan kesemua duitnya untuk membeli barangan solek.

Jawapan:

4. Ikan di pasar borong sudah habis.

Ikan diborong oleh Taukeh Lim.

Jawapan:

5. Saya memandu dengan berhati-hati di jalan raya.

Jalan licin disebabkan hujan.

Jawapan:

6. Kucing itu dihalau oleh pekerja restoran itu.

Kucing itu mencuri ikan.

Jawapan:

7. Saya menelefon ayah untuk mengambil saya di sekolah.

ayah sudah lambat mengambil saya.

Jawapan:

